**Masa Depan UMNO**
**Chedet.cc**
**18 September 2013**
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

**ARTIKEL IN TELAH DI SIARKAN DI DALAM AKHBAR UTUSAN MALAYSIA KELUARAN SEPTEMBER 16, 2013**

1. Saya berasa serba salah. Saya setia kepada UMNO. Saya ingin lihat UMNO terus mewakili orang Melayu, mempertahan dan memajukan mereka. Saya sedar akan hakikat bahawa UMNO mengidap sakit tua, dan ia akan maut kerana sudah tua. Ini naluri manusia. Lambat laun manusia akan menemui ajalnya.

2. Pembaharuan umat manusia ialah melalui zuriat. Anak kita, cucu kita, cicit kita akan kekalkan kita secara tidak langsung di dunia, akan sedikit sebanyak meneruskan sumbangan kita yang terdahulu.

3. Saya cuba sedarkan UMNO akan usianya yang sudah lanjut. Saya menulis akan perlunya UMNO diperbaharui dengan penerimaan ahli serta kepimpinan dari generasi muda. Malangnya ada pihak yang berpendapat tulisan saya mempunyai agenda tertentu, kononnya kerana saya ingin kekalkan kepimpinan saya melalui anak saya. Mungkin secara kebetulan ini akan terjadi. Tetapi jika kerana tuduhan ini saya tidak berusaha untuk kebaikan UMNO, ini bermakna saya lebih utama imej saya daripada tanggungjawab saya kepada parti. Jika saya ingin tolong anak saya, sepatutnya saya berusaha semasa saya Perdana Menteri. Tetapi saya tidak berbuat demikian. Pada hakikatnya, UMNO sekarang memerlukan pembaikan, dan walau apa pun tuduhan saya terpaksalah ketepikan, jika sedikit sebanyak dapat saya sumbang untuk masa depan UMNO dan orang Melayu. Saya tidak penting. UMNO dan orang Melayu tetap lebih penting daripada saya, atau anak saya.

4. Saya ulangi UMNO sedang mengidap sakit tua yang tetap akan membawa maut. Hanya jika UMNO diperbaharui oleh yang muda barulah UMNO dapat meneruskan perjuangan-perjuangan yang diamanah kepada UMNO oleh bangsa Melayu. Ahli UMNO mestilah ditambah melalui kemasukan generasi muda yang bersemangat kebangsaan. Demikian juga dengan kepimpinan UMNO di semua peringkat, terutama di peringkat pusat, di dalam MajlisTertinggi. Ahli-ahli badan ini mestilah terdiri sebahagiannya daripada yang muda.

5. Saya masih ingat mereka yang menjadi pengasas UMNO. Mereka muda-muda belaka. Purata usia mereka belum pun setengah abad. Ramai yang hanya dalam lingkungan tiga puluhan. Mereka memiliki kecergasan minda orang muda, bersemangat, memiliki cita-cita besar untuk bangsa mereka. Dan UMNO pun bertenaga, aktif kerana mudanya pemimpin dan ini memberi harapan kepada bangsa Melayu. Dan mereka pun berjaya, berjaya menewaskan Malayan Union British, memerdekakan negara dan bangsa, mengatasi segala cabaran setelah mengambilalih pemerintahan, mengisi kemerdekaan secara bermakna sehinggalah negara yang kerdil, bangsa yang terhina dahulu dikenali dunia sebagai bangsa yang berwibawa, yang mampu bersaing dan memajukan negara ini berpuluh kali lebih baik daripada penjajah. UMNO membangunkan Malaysia sehingga menjadi negara contoh yang dikagumi dunia. Berduyun-duyun orang asing datang untuk mempelajari darinya, mempelajari ilmu berkenaan pembangunan negara dan bermacam lagi.

6. Sumbangan pengasas UMNO yang muda ini terhadap bangsa, agama dan tanahair tidak dapat dinilai. Orang muda, pemimpin muda yang melakukan semua ini memang berjasa. Negara terhutang budi kepada mereka. Bangsa Melayu terhutang budi kepada mereka. Jasa mereka tetap akan dikenang selama-lamanya.

7. Tetapi mereka dan pengganti mereka sekarang sudah tua. Masa mereka sudah terlanjut. Sumbangan mereka semakin merosot. Ya, menjadi pemimpin memang sedap. Segala kemudahan dapat dinikmati. Ramai yang membongkok disekeliling pemimpin, yang mengulangi cerita tentang keupayaan dan keberkesanan mereka sebagai pemimpin. Dan mereka pun percaya cerita pembodek ini. Lagi pun sedap sungguh kerusi yang diduduki. Memuaskan sungguh kuasa yang dimiliki. Kenapakah pemimpin perlu undur, tarik diri.

8. Tetapi mereka harus sedar akan pentingnya mereka tidak melampaui masa mereka. Lambat laun orang akan berasa bosan, bahkan naik meluat akan pemimpin ynag sudah lapuk dan ketinggalan zaman tetapi masih tidak terima kebenaran.

9. Untuk ini mereka sanggup buat apa sahaja. Tanpa mengambilkira kesan terhadap budaya bangsa mereka sanggup hulur wang untuk mendapat sokongan, untuk mengekal diri sebagai ahli Majlis Tertinggi atau jawatan-jawatan lain. Percayalah jika ahli memilih perasuah sebagai pemimpin, mereka akan amalkan budaya penerima rasuah semasa menjadi pemimpin. Kuasa mereka akan disalahgunakan. Kita dan bangsa kita akan rugi lebih daripada apa yang kita terima dahulu. Negara akan hancur. Maruah bangsa akan luput.

10. Malangnya ramai yang begitu mudah tergoda dengan sogokan wang. Tak banyak. RM200/- pun boleh mengalih pemikiran sesetengah ahli UMNO. Mereka bukan menjual undi. Sebenarnya mereka menjual bangsa, menjual maruah diri mereka. Hentikanlah amalan ini baik oleh yang menghulur mahupun yang menerima.

11. Kata pepatah Inggeris “Money is the root of all evil” (Duit adalah punca segala kejahatan). Duit boleh beli segala-galanya, membeli bangsa, membeli maruah, membeli masa depan, membeli agama pun.

12. Percayalah apabila pemimpin yang kita pilih adalah perasuah, mereka tidak akan teragak-agak menjual bangsa pun. Ingatlah Negara kita dahulu lebih besar tetapi kerana duit ia sudah jadi kecil. Ia akan jadi lebih kecil lagi jika perasuah memimpin Negara ini.

13. Kita harus akui bahawa UMNO sekarang tidak lagi dipercayai oleh ramai orang Melayu. Sebab itu mereka menubuhkan ratusan badan bukan Kerajaan (NGO). Jika mereka mempunyai banyak pilihan, UMNO sudah kalah PRU13. Tetapi janganlah ahli UMNO, pemimpin UMNO percaya walau apa pun yang dilakukan mereka, kerana tidak ada pilihan lain maka UMNO tetap akan menang. Kalau UMNO dipimpin perasuah, parti lawan akan ternampak lebih baik.

14. Justeru itu kembalilah kepada perjuangan UMNO. Ketepikan kepentingan diri. Berilah tempat kepada yang muda. Terimalah mereka ke dalam parti. Pilihlah mereka dan tolaklah yang sudah tua. Hanya dengan cara ini sahaja barulah perjuangan UMNO untuk bangsa, agama dan tanahair dapat diteruskan. Sesungguhnya perjuangan orang Melayu belum selesai. Janganlah anak cucu kita mengutuk kita kerana ketamakan kita memusnahkan masa depan mereka.

# 94 Comments

- *hafizkenedelete*

October 5, 2013 at 10:22 AM | Permalink

Salam Tun,
Mintak laluan untuk sokong lostgeneration.

Saya tidak rasa pemimpin-pemimpin kita sekarang (baik UMNO, Barisan Alternatif mahupun PAS) mempunyai — purely the nations' interest at heart. Even if some do have that, we cannot see it from their actions. Dan kerana itu saya sedih. Mereka tidak dapat melihat masa depan yang lebih jauh, jauh merentasi generasi kehidupan mereka sendiri. Mereka seolah-olah mengukir kemusnahan negara dengan tangan mereka sendiri. Dengan tangan mereka sendiri mereka menulis sejarah masa depan yang gelap untuk generasi akan datang. Dan generasi kami ini tidak mampu membuat apa-apa….tidak mahu membuat apa-apa! We are as shameful as they are and we hate being this way.]

Bukan lostgeneration je yang pikir macam tu, da ribuan maybe jutaan belia muda segar yang beranggapan sama, kami berhak untuk menentukan masa depan kami, pergaduhan dan perang ideologi baik Umno yang sekarang ataupun Pembangkang sebenarnya langsung tidak menarik minat kami.

Memang benar ada golongan belia yang berjuang di luar sana, tapi , mereka mewakili siapa?? Mereka hanya boneka ketua2 tua masing2 yang hanya membawa culture lama yang basi yang sudah pasti tidak akan dijamah kami.., siapa yang pilih mereka? Sudah tentu bukan kami.

Dalam sejarah Malaya, suatu ketika dahulu, kaum muda dan kaum tua mempunyai hak yang sama untuk bersuara, tetapi sekarang suara kami tersekat oleh golongan tua yang gilakan kuasa, pengaruh dan harta kekayaan.

Dalam Umno pun begitu, pembangkang pun begitu, 2X5, 5X2…..

Maybe kaum muda kat Malaya ni perlu tubuhkan parti untuk kaum muda, baru boleh berjuang tanpa sekatan agaknya.Kalau tidak diberi peeluang mana boleh tau ada pemimpin muda belia yang betul2 ada daya kepimpinan,mana boleh tau yang betul2 ada bakat untuk menyatukan kaum2mdi Malaysia.HARAP RENUNGKAN…….

Sekian,
Terima kasih Tun
Dari penulis cincai cincai
HambaAllahyangMemelihara

- *sham1966*

October 3, 2013 at 5:25 PM | Permalink

salam hormat buat Tun, lets get to the bottom of all the issues here…UMNO dah menjadi beban kpd org melayu, namun pembangkang pula menjadi duri dlm daging, sanggup jual negara dan pemimpin macam anwar bukan lah pemimpin yg wajar dijadikan PM atau apa pun walau apa pun penyebabnye. umno penuh dengan korupsi, penyalahgunaan kuasa dll penyakit kronik yg berkiblatkan wang ringgit, harta , sex dll…semua kemewahan dll adalah teras kepada perjuangan kebanyakan ahli umno…mesti pakai bmw, merc , alphard dll…tiada yg akan hormat jika ahli yang bertanding hanya memakai datsun 120Y, sbb mereka tahu jika dia dipilih sebagai pemimpin siapa nak bayar makan & minum di hotel…siapa nak bawa pergi medan…ini lah mentaliti umno…sedangkan di dlm parti alternatif , orang yang datang mendengar ceramah akan beri sumbangan. umno kene buat jamuan dan bagi door gift….ngape ye Tun? sebab orang ramai dah muak dengan umno..muak tengok sikap hipoktir dan munafik pemimpin2 umno. kerja tak buat, beriadah banyak…melawat sana sini guna duit rakyat…kenapa tidak dicantas sahaja ahli yang salah guna kuasa dan korupt? sebab mungkin tiada lagi ahli tertinggi umno yang tinggal…semoga tun masih bertenaga dan diberi hidayah untuk mencari formulasi menghentikan dan membuang cancer yang merebak dalam umno ini…kami orang melayu sayangkan Tun dan perjuangan Tun, walau apa pun kutukan anak bangsa yang diberi peluang dan kesenangan dari formulasi Tun namun masih ramai yang berterima kasih pada Tun. doa buat Tun tak pernah tinggal selepas solat saya agar Tun memperolehi rahmat dari ALLAH dan mendapat inspirasi memperbetulkan umno sebelum terkubur…amin

- *ahmad badri muhamad*

October 3, 2013 at 2:33 PM | Permalink

Salam Tun,
Apabila disebut “meluat”, sebaran meluas Persidangan UMNO itu pun kami dah meluat. Minta maaf. Buka TV3, TV1, NST, BH, UM, penuh dengan hal UMNO tak habis-habis. Kami yang bukan ahli UMNO dipaksa melihat itu semua. Walhalnya sesiapa ingin masuk UMNO, jika ada ijazah saja sudah disekat diperingkat bawah lagi. Mat Rempit boleh masuk, no problem. Bagaimana orang tak meluat?

Jika ahli-ahli UMNO betul-betul sayangkan UMNO, dan tidak mahu UMNO mati tak berkubur, ini cadangan saya:

1. Beri initiatif setiap cawangan tambahkan ahli yang bermutu (bukan penjenayah, yang rasuah, kutu berahak, mat rempit).
2. Dampingi rakyat dengan niat yang baik, bukan dengan niat nak pancing undi. Tak payahlah bawa gambar presiden UMNO terlekat pada kotak sumbangan.
3. Perangai ahli UMNO yang selalu sombong, bermegah-megah tu perlu diubah. Baru ketua Cawangan dah sombong. Baru nak bertanding dah berlagak macam YB. Nak tunjuk apa? Apa yang hebatnya pada UMNO sekarang?
4. Tolong faham apa yang rakyat mahu dan apa rakyat tak mahu. Rakyat tak macam dulu yang perlu diberi tahu itu ini, kini rakyat pun ada otak, boleh berfikir, dan boleh memilih.

Dulu awal tahun 70'han kami student semua sokong (Tun) Dr Mahathir. Sebab apa? Sebab dia berani melawan Presiden UMNO, kerana dia percaya pada perjuangannya. Dia dibuang parti, tetapi mendapat sokongan ramai dikalangan student, anak muda dan rakyat amnya. Pemimpin-pemimpin UMNO yang lain pula semua takut pada boss, tak berani lawan, takut hilang jawatan. Dia tahu membaca hati rakyat, dan tahu apa yang tak betul.

Kini kita berdepan dengan keadaan mencabar. Siapa dari ketua-ketua UMNO yang boleh datang kehadapan memperjuangkan kebenaran? Siapa berani bersuara? Satu pun tak ada. Hanya tinggal suara Tun Dr Mahathir satu-satu nya yang tak habis-habis mengingati ahli-ahli UMNO akan perjuangan yang belum selesai. Entah dipeduli atau tidak. Masing-masing nampaknya utamakan diri masing-masing. Tetapi hati kecil saya berkata, nanti satu hari NGO Melayu yang ramai-ramai ini akan bersatu menentang UMNO. Barah dalam UMNO kelak akan memakan diri sendiri.

- *Tun Perak*

October 2, 2013 at 6:30 AM | Permalink

UMNO certainly needs to rejuvenate; and this could be done through the involvement of younger generation in the party. I think Tun's son, D. Mukhriz should be given the chance because of their family effort in recapturing Kedah from PAS and he could represent the younger generation voice in the upper echelon of the party.

In my frank opinion, I think D. Mukhriz needs to be more aggressive. Leader rose up to the mark, mostly in a manner that is significantly different than the masses. Spectacular and eye-catching – with firm ideas and policies that move the masses.

- *lostgeneration*

October 1, 2013 at 10:46 AM | Permalink

Salam Tun (yang saya sayangi lagi hormati)

Saya gemar membaca blog Tun sejak ia mula-mula lagi beroperasi. Tetapi hanya kini saya terpanggil untuk memberi komen kerana banyak sudah yang terkumpul di hati tentang persoalan bangsa dan negara.

Saya memanggil diri the lostgeneration kerana itu lah yang saya rasa. Mewakili generasi yang kini 20 dan 30, saya antara generasi Malaysia yang tidak lagi rasa negara kami satu negara yang negara yang kami boleh banggakan. 'Lost' kerana kami keliru dengan apa yang mampu dan harus kami lakukan. Dengan linangan air mata saya tuliskan nota ini. Perit, kecewa, sedih.

Benar kata Tun, "Janganlah anak cucu kita mengutuk kita kerana ketamakan kita memusnahkan masa depan mereka."

Malangnya, masa yang Tun katakan itu bukan sesuatu yang ‘akan datang’ tetapi suatu yang sedang terjadi.

Kami mengutuk generasi pemimpin, dan bagai mencubit peha kiri, peha kanan terasa,kami mengutuk diri sendiri. Kerana kami melihat sahaja kemusnahan ini berlaku di depan mata. Dan lebih teruk lagi, ramai dari generasi kami yang memilih untuk lari dari melihat gambaran kemusnahan ini.

Pilu hati saya melihatkan rakan-rakan seperjuangan yang sedang belajar kini, memilih negara lain untuk di panggil tanah air. Ramai lagi yang kini berkira-kira menjadi permanent resident di negara luar. Tiada daya mahupun kuderat untuk saya halang mereka. Mereka saya lihat suatu tenaga yang mampu membantu membangun negara. Pernah mereka satu ketika sayang pada negara tetapi di kecewakan. Apalah yang dapat saya janjikan pada mereka, sedangkan saya sendiri ragu-ragu tentang masa depan negara kita.

Terus-terang saya kata kan Tun. Saya tidak nampak jalan keluar negara kita dan generasi saya dari dilema yang melanda negara kita sekarang. Bagi saya tidak UMNO, barisan Alternatif mahupun PAS mampu menukar keadaan sekarang. What I see is a vicious cycle of things happening all over again.The struggle for power, money and position above everything else.

We need something BIG, to CHANGE.

Saya tidak rasa pemimpin-pemimpin kita sekarang (baik UMNO, Barisan Alternatif mahupun PAS) mempunyai — purely the nations’ interest at heart. Even if some do have that, we cannot see it from their actions. Dan kerana itu saya sedih. Mereka tidak dapat melihat masa depan yang lebih jauh, jauh merentasi generasi kehidupan mereka sendiri. Mereka seolah-olah mengukir kemusnahan negara dengan tangan mereka sendiri. Dengan tangan mereka sendiri mereka menulis sejarah masa depan yang gelap untuk generasi akan datang. Dan generasi kami ini tidak mampu membuat apa-apa….tidak mahu membuat apa-apa! We are as shameful as they are and we hate being this way.

Senang untuk menyalahkan keadaan dan orang lain atas apa yang berlaku sekarang. Saya sedar, seperti yang Tun cakap, generasi muda, generasi 20, 30 seperti saya yang seharusnya berdiri kedepan cuba menjadi jentera baru penggerak negara. Saya harap itu berlaku. Saya harap generasi kami akhirnya dapat berdiri sama tinggi, duduk semeja dengan generasi sebelum kami, berbincang hati ke hati cara terbaik untuk membetulkan landasan negara kita. I hope to see that in my lifetime. I hope you will still also be there to see that happen. Untuk melihat negara Malaysia yang di impikan Tun, dan juga kami, benar-benar menjadi kenyataan.

Hopeful,
lostgeneration

- *mslatipah*

September 25, 2013 at 10:49 AM | Permalink

Assalammualaikom Tun Dr Mahathir,
Pertama-tamanya saya nak ucapkan tahniah diatas keberanian anakanda Tun, Datuk Mukhriz membuat keputusan untuk bertanding Naib Presiden UMNO.

Saya rasa pertandingan ini amat sengit memandangkan awal2 lagi dah ada pakatan diantara 3 penyandang NP untuk mengatasi lawan masing-masing.
Apa yang diharap biarlah perlawanan berlandaskan cara bersih.Tidak main wang atau mengaibkan peribadi pihak lawan.

Justeru ada beberapa kemusykilan yang hendak saya utarakan kepada YAB Tun;

1. Jangkamasa 72 Jam diberi kepada calon2 untuk menarik diri selepas pendaftaran borang pertandingan ditutup.
Adakah ini termaktub dalam Perlembagaan UMNO sejak ditubuhkan?

2. Ekoran daripada ruang yang diberi untuk menarik diri adakah pihak kepimpinan Negeri dan Pusat telah menjangka ada yang akan tarik diri ? ( mengikut laporan akhbar Utusan 25 Sep ramai yang tarik diri).

3. Apakah tujuan mereka yang tarik diri ini selepas bersusah payah beratur untuk mengambil borang dan menghantar borang selepas diisi.

4 Apakah mereka tidak mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri atau dinasihatkan supaya tarik diri ( Human Intervention?).

5. Mengikut pengakuan calon yang menawarkan diri untuk bertanding melaporkan dalam akhbar bahawa beliau telah mendapat restu daripada Ketua UMNO Negeri/Pusat. Ada juga yang baru mengutarakan hajat untuk bertanding tetapi telah dinasihatkan supaya tidak berbuat demikian. Apakah ini demokrasi disebalik tabir ?

Saya rasa kata2 daripada pemimpin2 kanan/tertinggi bahawa ahli2 UMNO telah menunjukkan kematangan dalam pertandingan memilih pemimpin disemua peringkat dan demokrasi tetap hidup dalam UMNO hanyalah sekadar untuk menyedapkan hati ahli2 UMNO yang masih sayangkan kepada parti.

Terpulanglah kepada pemilih UMNO agar membuat keputusan yang bijak bagi menentukan nasib Melayu akan timbul atau tenggelam.
Terima kasih.Wassalam.

- *mubarakchan*

September 25, 2013 at 6:43 AM | Permalink

Tun

For Saudara Amin Tan. I agree with you. There is a saying, ‘ Absolute power corrupts absolutely.’ I myself have nearly bumped into the the Tun with Tun Siti Hasmah with just

one aide so many times in the evenings in the Malls and my friends too in Cheras. They were not out shopping because I did not see a shopping bag. It is so very important for a leader to feel the pulse of a country by moving amongst its populace normally. It is being normal that gives great strength. The brilliant Lee Kuan Yew with his 10 failed policies for Singapore is alleged to cruise around Singapore at mid-night in his Jaguar looking at flower pots and the like or a bomb-disposal squad would scour an area 1 square mile around his purported place of visit. Our country is small with its hospitable, intelligent and peaceful peoples. For this reason, we are either related to each other or very good friends. Whatever we do we cannot run away very far even with out billions and billions of ringgits. The world is very small. I am confident the UMNO Elections will bring forth a new and young generation of leaders with their wisdom and normality to lead us in the years ahead. We do not need change what we want is the continuation of development and policies which were already laid down by our good Tun and his predecessors. Political parties worth their salt should now join in for the good of all and not like some dysfunctional political parties with spiritual leaders in far away lands who could contemplate their navels for 47 years and do nothing for the Malays, Chinese, Indians and all, and muck up their vital central committee elections by being apparently inefficiently even though they are inspired by the land of world class super-efficiency. A pot calling the kettle black scenario.

- *apis*

September 25, 2013 at 1:13 AM | Permalink

As'salam Atok,

Terlebih dahulu saya ingin memohon maaf kerana memanggil Tun dengan panggilan Atok kerana bagi saya panggilan tersebut lebih mesra memandangkan usia Tun hampir seusia Atok saya. Jika ada sebarang pertikaian dengan panggilan tersebut, saya terbuka untuk memberi penjelasan.

Atok, berkenaan kata-kata Atok "Pilihlah mereka yang muda dan tolaklah yang sudah tua", satu sahaja nasihat dan pandangan daripada saya tentang pemilihan ketua UMNO mahupun bakal pemimpin negara "Pilihlah yang benar-benar berilmu, bercita-cita tinggi dan ikhlas memajukan anak bangsa tidak kiralah dia muda ataupun tua".

Terima kasih.

- *amin tan*

September 25, 2013 at 12:54 AM | Permalink

Salam Tun,
Izinkan saya memetik Syed Al Jaafari seperti di bawah,

[tun,this will be UMNO last term.orang melayu dah muak,sesama melayu pun UMNO nak cr gaduh,divide and rule.MT UMNO tak abis2 lelong negara,FELDA pun mereka lelong.kami orang melayu dah fedup,its high time UMNO should go.kita tgk pemilihan UMNO,takde siapa berani mencabar kedudukan presiden.by right,ketika PRU12 umno gagal dapat 2/3,tun pun suruh pak lah turun,tp kenapa Najib masih jd PM,walhal undi dia merosot drp PRU12.by right Najib should step down.I dont see what so special with najib that we have to retain him as our PM,muhyiddin boleh ganti,even anak Tun pun boleh ganti Najib.one of the factor UMNO is losing malay Vote is Najib himself,alongside with his wife.Tun,kami masa tun jd PM,walaupun kami sometimes tak setuju dgn Tun,tp kami sgt2 menghormati Tun Hasmah,we adore her,a mother/granmother figure to all of us.But dgn najib,we dont utter respect toward rosmah,together with her coruption scandal.
UMNO sholud forced Najib to step down to restore UMNO's image and dignity.we want ultra malay to lead us,bukan najib yg tak abis2 nak pacify non malay instead us the malays.

Tun,kami sgt2 kecewa sebagai orang melayu,kami tidak rasa Najib layak memimpin kami orang melayu.]

Tuan Syed,

Tuan Syed tidak habis2 menhentam membelasah kerajaan dan UMNO SERTA Datuk Seri Najib. Malaysia ialah negara demokrasi. Datuk Seri Najib menjadi Perdana Menteri adalah secara sah dari sisi undang2. Tun pun sokong beliau. Apa yang Tuan Syed maksudkan dengan 'najib tak habis2 nak pacify non malay instead of us Malay.'? Apabila Datuk Seri Najib mengemukakan dasar kerajaan baru2 ini untuk memperkasakan economy Melayu, apakah maksud beliau? Sampai MCA pun membahtah.

Memanglah Tun yang paling hebat menjadi Perdana Menteri Malaysia. Sepatutnya Tun dilantik menjadi Penasihat kepada Perdana Menteri secara rasmi, bertaraf menteri.

Tuan Syed, bagilah peluang kepada Datuk Seri Najib untuk berjasa. PRU baru lepas 3 bulan. Datuk Seri Najib yang terbaik yang kita ada sebagai Perdana Menteri. Beliau seorang mesra rakyat, tidak gopoh membuat keputusan dan bijaksana. Manusia tidak sempurna. Jangan asik cari kelemahan orang lain seperti saudara2 islam kita di Syria, Mesir, Iraq tidak habis2 berperang saudara. Ambil yang jernih buang yang keroh. Hiduplah aman dan damai. Jangan kita hasad dengki kepada orang lain. Hidup mati jodoh dan rezeki Allah yang menentukan. Bersyukurlah apa yang Allah kurniakan. Wallahu alam.

Maaf zahir batin jika saya tersinggong Tuan Syed

amin tan

- *Farihan Han*

September 24, 2013 at 10:17 PM | Permalink

UNTUK kelangsungan UMNO
UMNO perlu mencari,menarik,menambah ahli kedalam parti.. orang2 yang memiliki

kecergasan minda orang muda, bersemangat, memiliki cita-cita besar untuk bangsa mereka iaitu BANGSAA MELAYU!!

- *mubarakchan*

September 24, 2013 at 7:34 PM | [Permalink]

Tun

i wish the UMNO well in its vital forthcoming elections for the key posts in its organisation. Many a-time, the direction and stability of our beloved country have been set right through the wisdom of its constituents through the expression of the voting trend. I have confident that the forthcoming elections will be like no other. Our country is fortunate to have political parties which represent most shades of colours as could be found amongst the populace. We do not need to create ‘ Democracy ‘ as we already know it our Malaysian style. And from the mists of 1940s to now, it is expected by the astute observers that UMNO could make a meaningful change in its offerings to the general populace by being not only exclusive but also inclusive. Fortunately, the worst is already past the UMNO in a moment of pilotless navigation across the unknown seas infested by sharks of all sizes. We are still in one piece, so far, our beloved Malaysia. But as always, the moment we drop our guard of SOVEREIGNTY, NATIONAL INTEREST, SELF-ESTEEM, foreign chaps aided by local chaps will come and look for the LOW HANGING FRUITS !
I wish the new UMNO leadership well and our future will depend on their wisdom and commonsense in dealing with human problems which are bound to be in their way sometime.

- *syed Al Jaafari*

September 24, 2013 at 7:08 PM | [Permalink]

salam tun.
Pertama sekali sy ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas jasa tun kepada parti UMNO dan orang melayu.Walaupun sy bukan ahli umno atau pendokong UMNO,tetapi jika tun tidak ditakdirkan dlm UMNO,maka sy berpendapat pastinya orang melayu sekarang menjadi hamba di bumi sendiri.terima kasih tun, tidak dapat sy ucapkan dengan kata2,hanya Allah dapat membalas jasa tun,moga Allah ampunkan dosa kita atas salah silap kita dan kami berdoa agar Allah berikan Tun kesihatan yg baik dan umur yg panjang agar dpt memimpin kami lagi dgn pengalaman dan wisdom tun.
sy ingin menceritakan tentang datuk sy iaitu seorang ADUN pertama Kuala Kangsar Perak selama dua penggal.datuk sy adalah perjuang kemerdekaan semasa malaya melalui tahun2 dsukar selepas perang Dunia Kedua.Datuk sy bernama Khalid Abbas Bin Khairul Adam,dikenali oleh orang ramai sbgai ustaz Abbas.datuk sy adalah guru agama,guru silat,guru zapin dan pemimpin masyarakat tempatan.Pernah datuk sy ‘sparring’ dgn guru kungfu,atas jemputan persahabatan oleh masyrakat cina Kuala kangsar.ADUN skg nie,usahkan reti bersilat,bersukan pun belum tentu lagi.Datuk sy tidak memiliki kereta pun,hadir ke messyuarat Exco naik bas.datuk sy hingga Allahyarham meninggal,tidak

memiliki harta pun,walhal beliau berasal daripada keluarga bisnesman melayu ketika itu,pelombong bijih di perak.datuk sy mengabiskan harta ke jalan perjuangan UMNO. betapa jauh bezanya dgn pemimpin UMNO skg.Kalau nak berjuang,kempen,ambil duit daripada tauke cina,india,sekarang pula ambil duit pak arab.usahkan nak keluar duit sendiri,peruntukan utk rakyat mereka sapu.Ini baru kita brckp tentang duit dan korupsi. Ahli UMNO skg tiada ilmu,jahil xtau apa.bagaimana mereka boleh memimpin jika ideologi,pemikiran,intelektual mereka sudah tidak relevan lg dengan pemikiran dan intelektual rakyat?'
sy berpendapat,bukan idelogi UMNO itu yg ketinggalan zaman tetapi intelektual dan pemikiran ahlinya yg sudah tidak relevan dgn dunia moden dan penuh keterbukaan ini. PRU 13 lps,sy mengundi UMNO setelah PRU11 dan PRU12 sy mengundi pembangkang,sbb utama sy swing vote adalah kerana tidak bersetuju dgn pakatan PAS bersama PR.Kwsn DUN sy dimenangi oleh UMNO dgn majoriti 132 undi.slps PRU,agaknya ADUN UMNO letih smpai skg tidak nmpk batang hidung.itu menang 132 undi,kalau menang majoriti 1320 undi smpai next election baru nmpk la kut.betapa teruknya UMNO skg,sudah tidak pedulikan rakyat,baru sahaja lps PRU mereka tak tunggu,terus melancarkan serangan politik kepada PAS,main isu mazhab,main isu agama.lama lagi next election,tetapi UMNO tak tunggu,tak buang masa,tak abis lg main politik daripada tumpukan perhatian utk menyakinkan rakyat dgn membuat kerja.

tun,this will be UMNO last term.orang melayu dah muak,sesama melayu pun UMNO nak cr gaduh,divide and rule.MT UMNO tak abis2 lelong negara,FELDA pun mereka lelong.kami orang melayu dah fedup,its high time UMNO should go.kita tgk pemilihan UMNO,takde siapa berani mencabar kedudukan presiden.by right,ketika PRU12 umno gagal dapat 2/3,tun pun suruh pak lah turun,tp kenapa Najib masih jd PM,walhal undi dia merosot drp PRU12.by right Najib should step down.I dont see what so special with najib that we have to retain him as our PM,muhyiddin boleh ganti,even anak Tun pun boleh ganti Najib.one of the factor UMNO is losing malay Vote is Najib himself,alongside with his wife.Tun,kami masa tun jd PM,walaupun kami sometimes tak setuju dgn Tun,tp kami sgt2 menghormati Tun Hasmah,we adore her,a mother/granmother figure to all of us.But dgn najib,we dont utter respect toward rosmah,together with her coruption scandal.
UMNO sholud forced Najib to step down to restore UMNO's image and dignity.we want ultra malay to lead us,bukan najib yg tak abis2 nak pacify non malay instead us the malays.

Tun,kami sgt2 kecewa sebagai orang melayu,kami tidak rasa Najib layak memimpin kami orang melayu.

sekain terima kasih.

- *hafiz@brokermaut*

September 23, 2013 at 10:11 AM | Permalink

Dear Sfaleigh, tak perlu nak tukar nama umno jadi pkmb whatsoever, penulis macammu memang dengki, yang patut tukar hanya orang yg dah lama duk dlm parti tapi tak menyumbang apa2 yg besar, yang, saya setuju dengan cadangan saudara yang macam macam ada tu, sedap bunyinya, tetapi saudara masih seorang kaki komplen yang pengecut, igt senang nak tukar nama,cuba saya suruh bapak saudara tukar nama dia, mesti tak bolehkan,

yup,melayu memang mudah lupa, tapi bukan semua yg lupa, saya dan jutaan pemuda yg betul2 muda(,bkan muda dalam takrifan parti ) bukanlah bersifat begitu, itu untuk golongan 30 an keatas sahaja, kami alert dgn keadaan semasa, saudara yang duduk dalam comfort zone tak layak cakap macam itu sebab saudara tak turun padang dan hanya pandai complen.

Walaupun banyak yang saya kagumkan dengan komen2 saudara, tapi bila dibaca berulang kali, macam artikel2 yang dah di xcopy paste berulang2 kali dr pamplet anwar sodomi ibrahim dan lim kit siang malam, sebenarnya saudara yang nak bolot projek2 yang da kene monopoli tu, nmpak sgt saudara menulis sebab marah xdapat projek,org yg betul ade keupayaan akan dapat apa yg dia nk dgn bermacam2 cara, orang lemah je yang merengek bila xdapat apa yg dia nak,sebijik macam saudara, saudara sedar tak namanya kalau xdapat apa yang kita nak, itu bukan rezeki kita,orang yang busuk hati je akan dengki ngan rezeki orang lain.

Attitude macam saudara ni da bnyak saya jumpa dekat the mall dan KLIH,golongan yg tak boleh terima kenyataan yang rezeki tu bukan milik dia, bila susah salahkan orang lain, padahal tuhan nak uji sbar ke tak hamba dia.Bersyukur la anak2 korang masih mampu tgk tv, kat middle east bnyak anak2 kebulur, tapi korang kesah ke?tak pun sebab perangai dah munafiq sangat. Kaji diri dri sebok nak komplen je, simpan je pendapat sampah yg kononya bela kaum muda , biar kaum muda do the talking.

Bercakap itu mudah, menulis lagi la senang, tapi nak buat saya jamin 80% tukang complen akan tarik diri bila da masuk padang, Tq
Maafkan kekurangan bahasa saya Tun, saya hanya seorang budak hingusan yang jelek dengan sibijak pandai yg banyak complen ni, walhal kalau mereka boleh deliver complen masing2, Masalah kat malaysia ni bnyak yg selesai, tapi apa nak buat, mereka hanya si pengecut yg pandai pukul curi, Wsalam

Hafiz@ brokermaut

- *ustaz shamsul najmi*

September 22, 2013 at 11:09 PM | Permalink

Assalamualaikum wa RahmatuLlah.

Yang Berbahagia Tun,
1.Semoga sihat suami isteri. Ketulusan dan ketelusan nasihat Tun sepatutnya didengari, ramai orang buat-buat tuli kerana walaupun mereka mungkin tidak lagi menjadi perasuah tetapi mereka masih tidak ada kekuatan menghindarkan diri dari para perasuah, malah masih mengharapkan bodek atau sokongan para perasuah.
2.Memberi nyawa baru kepada UMNO mungkin berfaedah sekiranya kanser yang ada dapat dipulihkan atau dibuang. Masalahnya sebahagian anggota UMNO sangat sayangkan kanser tersebut seolah olah mereka tidak boleh hidup tanpa kanser.
3.Seorang tokoh seperti YAB Datuk Mukhris mungkin berhadapan kesukaran melawan kanser UMNO, saya berdoa dia kuat dan berjaya, ramai orang mungkin iri hati dan rasa terancam dengan kehadiran penawar seperti dia, saya bimbang dia tidak sekuat Tun menghadapi badai yang bakal melanda, semoga Allah sentiasa menolong dia.

4.Ramai anak muda yang ikhlas dalam perjuangan UMNO telah dinafi dan dipinggirkan, akhirnya mereka menyepikan diri membiarkan UMNO ibarat sahara kering kontang tanpa air dan penghuni, penafian ini adalah secara otomatis kerana orang lama tidak dapat menerima kehadiran nafas baru, tindakan Tun satu ketika mengundur diri dari tampuk UMNO adalah contoh yang murni, tapi tiada orang yang mencontohi.
5. Saya berharap Tun janganlah letih memberi nasihat, kalau bukan Tun siapa lagi? Salam saya buat serikandi Tun Siti Hasmah, rasa saya Tun sentiasa sihat adalah kerana dia sentiasa bersama.

Sekian, terima kasih jua.

Ustaz Shamsul Najmi.

- *Hajar*

September 21, 2013 at 9:21 PM | Permalink

Salam YAB & diKasihi Tun,

1. UMNO mesti kembali kepada perjuangan asal – untuk Agama, Bangsa dan Tanahair.

2. Saya doakan Dato' Mukhriz menang sebagai Naib Presiden UMNO. Beliau calon paling berpotensi – ada jati diri Melayu yang kuat, berkebolehan/berkeupayaan, berwawasan, ikhlas, amanah, bersih, berpendirian tegas, dan yang penting 'BERANI'. Saya yakin Dato' Mukhriz sedikit sebanyak mewarisi jati diri, keikhlasan untuk berkhidmat, dan keberanian Tun – "umpama kuah tumpah ke nasi". Dato' Mukhriz pasti berjaya.

3. Kepada Perwakilan2 UMNO yang mengundi, undilah dengan bijaksana.

4. Jangan undi perasuah atau mereka yang pernah ada kes politik wang. Perasuah akan tidak teragak-agak melelong/menjual negara ini semata-mata kerana kuasa & wang.

5. Kepada Pemuda UMNO, tolong tolak Khairy @ KJ. Pilihlah salah seorang dari 4 orang calon lain yang menentang KJ. "Asal bukan KJ."

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. ***

- *mubarakchan*

September 21, 2013 at 2:34 PM | Permalink

Tun,

UMNO which now looks forward to the excitement of a dynamic and younger leadership with the forthcoming elections, may look into ways and means whereby in its urge to progress and modernize, of countries which had undertaken such tasks diligently and successfully.
1. The prime example which springs to mind is the Royal House of Windsor and its close bond with the British people. This Royal House was actually imported from Germany via the reign of King George I in the 18th century. Eventually, this German family evolved from Battenburg to Windsor in the course of the 19th century and 2 horrific Wars with Germany. But the Windsor bonding with the British people grew stronger to this day. How is this done which may benefit the image of UMNO in the years to come in the face of the fast moving present day media ? How to adopt certain aspects or take a leaf from the Windsors on how to burnish the image of a modern 21st century UMNO ? Are we going to leave this important task to the amateurs or professionals to do the job successfully ? This is a vital gap to fulfil in the eclectic world of politics to come – the 14th General Elections. I believe the evolution of the Battenburgs into Windsors may teach UMNO a lot – and it is in the media.

2. Today, 21st of September, 2013, the Star headline, 'S'pore relooks elitist policy' or my headline,'S'pore meritocracy failed !' It took more than one very hard knock to wake up the ruling elite of Singapore that their system of meritocracy had failed the State miserably. Strange to say, this meritocratic system is exactly as the same which is demanded by the Opposition and the nay-sayers of Malaysia. Two hard-knocks knocked the stuffing out of the dysfunctional meritocratic pyramid of Singapore with the smartest fellow on top. The first hard knock was the official minimum loss of US$108 Billions (RM350 Billions) on Wall Street in October 2008. (BN Malaysia reserves today – US$140 Billions). The second hard knock was the May 2012 General Elections which saw only 60% of the population supported the PAP which has blanketed the population with the brilliant Lee Kuan Yew with his 10 failed Policies for Singapore since 1955. Kudos must be given to the Singapore leaders for recognizing a yawning flaw in their power structure. In 2013, 2 Ministers pronounced that in future promotions and applications for jobs, not only academic qualifications are considered but also one's hidden talents and character. And today, Singapore chaps of importance all lined up to say the same piece, from the Emeritus Senior Minister down to the Public Service Commission Chairman and onto to a guy who quit the Cabinet. All sang the same refrain. What say you The On, Dont Be Small Minded, the rocket scientist from S'pore, mnmn, saxykumar, yusof12, HockBengTeohhalfpast6 and those who want Malaysian meritocracy like the FAILED SINGAPORE MERITOCRACY ?

It is good for UMNO to note the impeccable meritocracy of our good and normal Tun Mahathir Mohamad and his predecessors and not be carried away by false prophets from Singapore and their proxies.

- *amin tan*

September 21, 2013 at 1:40 PM | Permalink

Salam Tun,
Izinkan saya salin berita dari Utusan malaysia seperti berikut,

[JERLUN 20 Sept. - Hasrat Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir menawarkan diri bertanding jawatan Naib Presiden UMNO dalam pemilihan parti itu bulan depan mendapat restu ibu bapanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Hasmah Mohd. Ali.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Hitam itu berkata, bapanya yang juga bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO menyerahkan sepenuhnya kepada beliau untuk membuat keputusan selain memberi pandangan berdasarkan pengalamannya yang pernah bertanding jawatan berkenaan.

"Dahulu, bapa pun pernah bertanding jawatan Naib Presiden, tetapi bezanya kali ini lebih 146,000 yang mengundi kerana kita tidak ada lagi sistem pencalonan," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan khas dengan pemimpin dan perwakilan UMNO Jerlun di Wisma UMNO Jerlun, di sini hari ini.

Semalam, Mukhriz mengesahkan akan bertanding merebut kerusi Naib Presiden UMNO dalam pemilihan parti bulan depan sekali gus menyaksikan persaingan enam penjuru bagi jawatan tersebut.

Sebelum ini, ketiga-tiga penyandang jawatan itu, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal mengesahkan akan mempertahan jawatan masing-masing.

Ketiga-tiga mereka bakal dicabar Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad dan bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yang turut menyatakan hasrat merebut jawatan itu.

Dalam pada itu, Mukhriz sekali lagi menegaskan pencalonan beliau merebut jawatan tersebut bukan bertujuan mewujudkan dinasti keluarga dalam UMNO.

Katanya, rakyat perlu melihat kemampuannya menyumbang kepada parti menerusi pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki berbanding membangkitkan soal berkenaan.

"Saya yakin walaupun saya Menteri Besar tetapi banyak perkara yang boleh disumbangkan dari segi idea dan pengalaman kepada parti," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Mukhriz mengakui berdepan cabaran getir bertanding jawatan berkenaan yang turut ditandingi lima lagi calon dengan kelebihan dan kekuatan masing-masing.

Walau bagaimanapun, katanya, beliau percaya gabungan tiga calon yang bakal menduduki kerusi Naib Presiden UMNO memiliki kekuatan tersendiri untuk menyumbang kepada usaha memperkukuh parti berkenaan.]

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Datuk Paduka Mukhriz dan kedua ibu bapa beliau kerana telah mengishtiharkan hasrat bertanding Naib Presiden. Pada umor 48 tahun, Datuk Paduka Mukhriz mempunyai tahap umor yang sesuai dan pengalaman yang strategic dan luas dalam bidang pentadbiran samada kerajaan mahu pun swasta.
Setakat ini UMNO tidak ada pemimpin second echelon(pelapis kedua) yang muda, yang berwibawa dan berkaliber. Dengan berayahkan Tun, Datuk Paduka Mukhriz mempunyai

seorang mentor dan penasihat yang ikhlas, bekas Perdana Menteri yang paling hebat, berwibawa dan berkaliber. Sudah tentu pengaruh, networking dan budi serta respect terhadap Tun akan diguna untuk membantu anakanda Datuk Paduka Mukhriz berjaya dalam kerjaya. Tidak payahlah Datuk Paduka berasa segan silu menjadi anak kepada Tun. Lim Guan Eng, Nik Abduh, Lee Hsien Loong dan Datuk Seri Haji Mohd Najib bin Tun Razak pun apa kurangnya. Saya menyambut baik pertanding Datuk Paduka Mukhriz dan menyokong serta doa supaya beliau berjaya menyandang jawatan Naib Presiden UMNO pada 19 Oktober ini.

amin tan

- *as.baizura*

September 20, 2013 at 11:29 PM | Permalink

The article spoke my thought.. Thank you for putting up this writing.
Dear Tun, with your capacity, please enlighten the current leadership.
I too feel that UMNO needs new blood to drive & better reflect the spirit & hope of the young generation.
We need a leader that feels & understand our challenges, needs & hope for the country.

Thanks again.

- *azlan*

September 20, 2013 at 10:13 PM | Permalink

Salam Tun,

Dah lama saya nak menulis di sini. Tapi saya bukannya penulis. Kemusykilan saya kenapa pemimpin telah terlibat dengan isu/kes rasuah masih dilantik/dipilih. Tak ada pemimpin lain ke dalam UMNO ni.

- *ulmanno*

September 20, 2013 at 10:34 AM | Permalink

Salam YAB Tun,

1) Memang ramai anak-anak muda sekarang ini yang bersemangat untuk menceburi bidang politik, namun tapi ada segelintirnya hilang semangat perjuangan terhadap parti dan Orang Melayu setelah dapatnya pangkat dan kedudukan.

2) Sebelum adanya pangkat dan pengaruh, semua orang adalah sahabat, dan apabila kedudukan sudah terjamin, hanya kontraktor dan ahli perniagaan saja menjadi teman minum.

3) Selain itu, generasi muda kini yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi mungkin terbatas dengan faktor ekonomi diri yang mana seperti kita tahu di kala ini jika ingin menjadi seseorang ahli politik haruslah kita persiapkan diri dengan kewangan yang kukuh.

4) Perjuangan pemimpin UMNO DULU adalah untuk memastikan orang Melayu berkuasa, “Pejuangan Ketuanan Melayu”, Oleh itu pemimpin UMNO KINI haruslah memperkasakan Orang Melayu dan memastikan Orang Melayu terus maju dan berjaya serta kekal SELAMANYA.

5) Saya harap pemimpin UMNO yang sedia ada ini haruslah sedar dan janganlah sombong dan angkuh serta lupa diri. Saya harap ahli UMNO yang sedia ada ini juga mestilah berani dan tegas dengan pendapat dan pendirian serta janganlah berdiam diri terhadap pemimpin atasan yang tidak betul. Kebanyakannya pemimpin sekarang takut bersuara kerana mahu menjaga periuk dan perut sendiri.

6) Tun, teruskan pejuangan Tun, kami sayangkan Tun.

Terima Kasih Tun.

- *sfaleigh*

September 20, 2013 at 3:24 AM | [Permalink]

Salam Tun,

first of all UMNO is NOT a malay word. it is short for United Malay National Organisation

in Malay it is called; “Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu”

in Jawi: ن ملايـــو برســـــاتوٴ ساغرتوبـــوهن كـــبـڤ

If this a party for the Malays the the members and leaders first need to STOP using ‘UMNO’ as the ‘brand’.

from the brand used and given already shows how it does not know its ground nor where it came from. “kacang lupakan kulit”

like u said before, Melayu mudah lupa.

so please do advice everybody u know NOT to use UMNO as a brand again.

change it to PKMB or simply the full name; “Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu”

change the UMNO building do PKMB. no more use the “UMNO” brand…

if this can be done …. then only then PM need to improve his generals’ list and have a neutral task force to implement and monitor all the new grants and loans that is available… we dont want money to be given easily to open up companies… and may god protect us this monies are NOT for the sons and daughters of the super rich who need start-up money to become CEOs and to continue lifestyles…

pls give money ALSO to those who have done business and understanding and appreciate the hard earn money instead of just the experimental entrepreneurs.

- *mubarakchan*

September 20, 2013 at 2:46 AM | Permalink

Tun

And this was/is the reason why I urged the Malays, bumiputras and the non-Malays to vote for BN as led by the UMNO with the 13 component parties. If the BN cannot deliver to its main constituents, the non-Malays suffer.

- *mubarakchan*

September 20, 2013 at 2:43 AM | Permalink

Tun

Why am I so keen to have a normal and good leader for UMNO ? I have observed for a life-time that whenever the UMNO leadership loses touch with the Rakyat and could not deliver the goods to the Malays and the Bumiputras, then all the non-Malays suffer as well. This did not happen during your 22 year Administration. This is the nature of Malaysian politics. No more. No less.

- *mubarakchan*

September 19, 2013 at 10:55 PM | Permalink

Tun

It is refreshing for me to note that most of our great Prime Ministers were aware that as Prime Ministers they were riding on the blood, sweat and toil of the Rakyat especially Tun Dr Mahathir Mohamad during his brilliant 22 year Administration. It pays to remember.

- *Ibnu Mukmin*

September 19, 2013 at 8:59 PM | Permalink

Salam Tun,

Mungkin ini ada lah masa nya PM and TPM sama bermuhasabah untok UMNO.

Ini adalah masa nya UMNO melakukan perubahan yang tidak pernah di duga. Yang mengubah cara UMNO diurus dan beroperasi.

Ini adalah masa nya PM dan TPM ubah pelembagaan nya dengan lebih drastic.

1) Hadkan pemegang jawatan di majlis tertinggi bagi 70% jawatan MT bagi 2 penggal sahaja. Kecuali seseorang calon mendapat sokongan 100% dari ahli MT sedia ada.

2) Syarat yang sama juga perlu di kenakan kepada semua bahagian2 UMNO.

3) Adakan usaha atau program2 untok menarik ahli2 baru dari para Profesional and graduan2 dengan active. Adakan bahagian2 UMNO baru bagi para professional and graduan. Dari mana UMNO dapat mencungkil bakat2 baru menjadi harapan kepimpinan UMNO di masa hadapan.

Wassalam Tun

- *ifanonline*

September 19, 2013 at 7:47 PM | Permalink

Macamana Melayu hendak maju sekiranya pencabar-pencabar Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, Ketua Wanita dan Ketua Pemuda UMNO 'dinasihatkan' supaya jangan bertanding? Bukankah Malaysia sebuah negara demokrasi? atau adakah Malaysia sebuah negara demokrasi acuan kita sendiri? Acuan melayu?

Melayu ni pandai cakap sahaja, apabila betul-betul dicabar…macam pondan sahaja!

- *Orang Lama*

September 19, 2013 at 7:13 PM | Permalink

Salam,

Masa depan UMNO bergantung kepada ahli UMNO sendiri yang memilih pemimpinnya. Pemimpin yang dipilih itu pula ada yang dicalunkan untuk bertanding PRU peringkat DUN atau Parlimen. Pemimpin itu juga pula boleh mempengaruhi siapa yang jadi bakal calun PRU.

Kalau salah pilih pemimpin maka kemungkinan besar calun PRU pun salah. Banyak kerusi kecundang di selangor kerana salah calun.

Orang Melayu di bandar2 pilih siapa yang depa suka. malangnya beberapa pemimpin UMNO suka syok sendiri. Lihatlah prestasi BN di Selangor. Ada kawasan Parlimen ada 3 calun DUn dan 1 calun Parlimen? dari 4 kerusi berapa BN menang. Syok sendir lah. Tapi PRU akan datang susahlah kalau berterusan begini.

Pilihlah pemimpin yang berakhlak baik dan boleh bekerja dengan cemerlang. Kalau lihat senarai yang ada sekarang ni, ramai yang tak dapat diterima oleh orang melayu kot iaitu pengundi.

Tapi apa boleh buat orang melayu sekarang ramai yang mementingkan diri sendiri. PAS pun sama juga. Ikut hujah beberapa pemimpin2 PAS nak bersama Pakatan Rakyat kerana menguntungkan PAS . Ada yang kata selagi dia hidup tak nak kerjasama dengan UMNO. Apa jenis tafsiran ugama pemimpin PAS bawa saya pun tak tau. Kalau depa kata nak bersama Paklatan Rakyat walaupun kalah pun tak apa asalkan dapt membawa pemimpin DAP kepada Allah Ta'ala dah cukup lega kita dengar. Ini nak dapat banyak undi. Ada kata kalau PAS keluar dari Pakatan, UMNO yang untung. semua ini duniawi. Agaknya PAS sekarang Islam duniawi terlebih .

secara ikhlas boleh katakan ramai kedua2 pemimpin UMNO dan PAS tak boleh pakai. tak layak memimpin umat Islam di malaysia ini. Melayu semakin lemah kerana tak memegang pengistiharan solat fardu 5 kali sehari kepada Allah Maha Esa. pengistiharan dalam solat iaitu Hidupku Matiku hanya kerana Allah Ta'ala semata2 itu hanya mulut bercakap tapi hati lain pula. Duk zikir tak sekutukan sesuatu kpd Allah, tapi mulut basah tapi hati keriiiiiiiing! Tak mau kerjasama dengan UMNO selagi hidup. Adakah kita manusia yang suka mungkir janji?

Tetapi tak dapat dinafikan dalam UMNO dan PAS ada juga insan yang boleh diketengahkan sebgai pemimpin . tetapi malangnya depa bukanlah menunjulkan diri kerana depa ikhlas kerana Allah.

berseronok2 lah wahai pemimpin UMNO dan PAS dengan pelbagai hujah dan alasan. Dunia in juga sudah lanjut usianya cuma tunggu masa saja.

- *Areen*

September 19, 2013 at 5:23 PM | Permalink

Salam Tun Mahathir,

Umur saya 25 thn. Dari kecil lagi saya dah ikut mak ayah saya pergi mesyuarat UMNO peringkat cawangan. Ikut saja-saja…..masa tu lagu yang saya hafal lagu rasmi UMNO, UMNO Johor, UMNO Teras Negara, dan Maju Wanita UMNO. Memang seronok, saya duduk depan sekali, lepas tu saya menyanyi kuat-kuat. Rasa bersemangat. Masa tu tak silap saya darjah 5, tahun 1999. Walaupun masa tu kecil lagi, tak berapa nak faham sangat pasal politik, tapi saya cukup bangga dengan PM saya masa tu. dari sekolah sampai sekarang, kalau orang tanya pemimpin yang saya respect, saya akan jawab dua orang nama ni je, first Tun Dr. Mahathir Mohamad, and second Nelson Mandela. Sebab apa? Sebab mereka ni unik. Cara pemikiran tu lain dari yang lain. Saya suka pemimpin macam ni. Saya mula joined Puteri UMNO secara tak langsung. Masa tu saya ikut mak ayah pergi mesyuarat cawangan UMNO di kampung saya la. Kebetulan saya cuti semester. Masa tu umur 21 tahun. Orang kampung tak ramai yang datang, jadi nak cukupkan 2/3 nama saya ditulis dan terus daftar jadi ahli. YB yang nak datang masa tu Dato Mohamad B. Aziz (Parlimen Sri Gading). Saya duduk belakang sekali. Itulah kali pertama saya joined mesyuarat secara rasmi. Siap angkat tangan untuk sokong-sokong sebab ada pemilihan. Saya sorang je orang muda masa tu. Mestilah bangga kan. Lepastu saya terus tak berpeluang nak joined lagi, sebab tarikh mesyuarat tak sama dengan cuti belajar saya. Rugi betul.

Masa Tun letak jawatan, saya tak suka. Sebab saya sokong UMNO kerana TUn. Tak ada Tun saya nak sokong siapa?. Yang lain saya tak minat. Saya jadi neutral. Tapi ayah saya pandai, dia pujuk saya. Ayah saya cakap Tun dah penat, otak dia nak rehat. Dia nak orang baru….hehehe. Saya jawab, Tun tak boleh penat, sebab nanti bila dia bersara orang yang bermusuh dengan Tun akan naik minyak. Haaaa……tengok…betul tak saya cakap??.

Saya sayang UMNO sebab Tun. Sebab Tun perjuangkan bangsa kita.

Kalau ada pemimpin muda yang peggang nanti, buatlah baik-baik. Jangan pada nama je. Tapi habuk pun tadak.

Terima Kasih Tun (Saja nak cerita pengalaman saya..hehe.. 😐)

- *mokhtar*

September 19, 2013 at 2:31 PM | Permalink

salam Tun,

- syok baca komen2 mengenai topic ini yang sangat sebati dengan orang melayu. ini menunjukkan orang melayu sayang tapi benci dengan UMNO. olih itu UMNO kenalah cari jalan untuk menawan atau megorat/tackel ( kata orang kedah ) kembali.
- slogan keramat kali ini ialah' berahi berubah ', kemungkinan ini juga gendang perang dato mukhriz untuk jawatan NP. he has whatever it takes to win the post. May Allah be with him. ini harapan orang melayu dan kita berdoa mudahan2 ahli UMNO membuat pilihan yang tepat.
- semuanya mau meremajakan UMNO, semua mau ahli jawatan kuasa dari peringkat cawangan, bahagian & seterusnya berpelajaran tinggi dan dalam kategori 'muda'. Its possible at divisional level upwards but reality at ground ( cawangan ) is vastly difference.there are

many well educated members at cawangan but very, very few or rather rare species commited at cawangan level either due to career comintments or alikes.
jadi kebanyakan yang membuat kerja UMNO adalah ahli yang bekerja sendirian, pensioner, bekas askar, suri rumah tangga atau cikgu2 yang banyak masa lapang.kumpulan ini lah yang banyak berjasa kepada UMNO dari dulu, sekarang dan selamanya.
pi tengok di mesyuarat atau seminar di bahagian2 & cawangan2 kebanyakan yang hadhir adalah daripada adalah kumpulan ni.ahli2 yang berpelajaran mesti berahi membuat perubahan
pada pucuk pimpinan cawangan.
- ini kes benar, di bahagian kubang pasu kedah, ketua cawangan (kepala batas) adalah wanita yang menang bertanding , dimana percabarnya adalah orang professional( lelaki).mungkin juga dia akan jadi ketua JKKK di situ. ini membuktikan bahawa ahli2 akan memberi sokongan kepada calon alternatif kalau ada pilihan.
- pilihan adalah di tangan ahli2 UMNO untuk membuat perubahan, ‘ berahi berubah ‘ atau ‘ slow death ‘

terima kasih

- *Man Aziz*

September 19, 2013 at 1:31 PM | Permalink

Salam Semua,
Amalan rasuah ujud di mana-mana organisasi pun. Tidak perlu lah kita berselindung cuba menafikan hakikat ini. Selagi manusia ada nafsu, adalah amalan rasuah. Sering saya mendengar rakan2 yang berniaga mengatakan tanpa rasuah mana boleh dapat bisness? Atau tak kenal orang dalam mana nak dapat kerja?

Secara terang-terang parti politik DAP mengamalkan rasuah apabila pilihan CEC mereka demi menjaga Lim’s dynasty dalam parti yang dipertikatkan oleh ahli mereka sendiri. Namun mereka masih menang besar di Pulau Pinang didalam PRU13. Rakyat masih memilih mereka tak kira bangsa Melayu, India atau pun Cina.

Tetapi kita takut andainya anakanda Tun dipilih. Mengapa apabila ‘Lim’ dalam DAP mengamalkan kronisme tiada yang mahu bersuara atau anakanda TGNA tiada juga yang mempertikatkan, tetapi anakanda Tun pula yang mahu dibuat isu. Apa salahnya? Bukan kah ada pepatah melayu yang mengatakan “Mana lagi tumpah kuah kalau tidak ke nasi?” Lihat sahaja keupayaan Tun semasa menjadi Perdana Menteri, andai anakanda Tun dapat 60% dari keupayaan Tun pun Negara boleh rasa bertuah.

Balik kepada topic “Masa Depan Umno”, adakah dengan orang-orang muda menerajui kepimpinan boleh memberi nafas baru kepada UMNO? Khuatir dengan banyak orang muda yang kurang pengalaman akan mengikut sahaja apa yang dipelajari dari orang lama, membuatkan parti lebih lemah.

Pendapat saya, UMNO perlu pemimpin berpengalaman sekarang mengubah serta merancang transformasi pemikiran orang muda supaya asas tersebut yang di “muda” kan dan bukan

pemimpin muda dicari kerana kalau pemimpin muda ada, tetapi cara serta pemikiran adalah sama, masa depan UMNO tetap terancam.

- *AKULA MD*

September 19, 2013 at 12:59 PM | Permalink

Saya adalah golongan muda 30-40an, kerja swasta berpendapatan kumpulan pertengahan, kalau borak dengan kawan2 di office banyak yang menyalahkan kerajaan walaupun kadang kala jelas isu itu betul dan baik.. even kalau tanyak budak2 pun diorang boleh buat pilihan yang betul dan baik… banyak maklumat disalah sebarkan sehingga kebenaran dan kebatilan nampak tiada beza …
kebebasan internet menghapuskan kawalan kerajaan….

saya sibuk.. takde masa nak joint parti politilk.. nak hadiri persidangan yg tentunya mengambil masa… tapi dalam hati nak melihat bangsa agama dan negara maju,.

seingat saya tidak pernah ada usaha dari umno untuk dekati golongan muda seperti kami… pemimpin bahagian diperingkat kawasan byk yg syiok sendiri bersama kumpulan2 mereka… tiada usaha menambah ahli…sombong dan lebih suka bermegah dgn kemewahan dunia…..pemimpin kawasan cuma berminat bergaul dengan ahli-ahli dari golongan bawah dan tiada kualiti seperti mat2 rempit… pelajar universiti dijauhkan…mungkin takut pertambahan ahli yg cerdik pandai akan menggugat kedudukan mereka.

… ramai sebenarnya golongan muda cerdik pandai yang ingin berbakti pada bangsa, agama dan negara… tapi mengambil pendekatan tunggu dan lihat.. malas nak campur.. buat kerja sendiri lagi baik….akibatnya tiada kesatuan yang akhirnya melemahkan umat..

gerak kerja parti pembangkang lebih baik… byk sukarelawan yg datang kerumah, mengedar pamplet dakyah mereka…mendekati masyarakat dgn memberi ceramah percuma di surau.. masjid dan tempat2 awam… berhimpun dijalanan…
.. gerak kerja parti kerajaan kurang NILAI SUKARELA.. byk aktiviti dibuat menggunakan duit dan kelihatan membazir.. golongan atas pagar sukar utk menerima pendekatan sebegini…

saya sibuk.. ok lain kali saya komen lagi…

- *sibotak*

September 19, 2013 at 12:31 PM | Permalink

PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI
HILANG POHON TUA
POHON MUDA UMNO AKAN TUMBUH LAGI

PEMIMPIN MANA YG DISUKA SEMUA
NABI MUHAMMAD PUN ADA MUSUH YG MEMBENCI BELIAU
NI LAGI TUN , APAKAN LAGI SI TUA, GOD OF NO MERCY TU

PERJUANGAN MELAYU MESTI DITERUSKAN
ALA ZAMAN KINI
MEMBENDUNG , MELENTUH ANAK MUDA
WAJIB BAGI SI TUA

YG PENTING MELAYU / ISLAM PERLU BERSATU
BURUK ,BAIK , HITAM ATAU PUTIH
MUSUH KITA SEBENAR ADALAH PERPECAHAN KITA
ATAS DIRI KITA SENDIRI ATAU HASUTAN LUAR

KITA PERLU BERHIMPUN BUKAN SAJA DI MASJID
PERLU BERGABUNG BUKAN SAJA HAL POLITIK
MALAH HAL EKONOMY YG MELAYU TIDAK AMALKAN

- *mubarakchan*

September 19, 2013 at 11:19 AM | Permalink

Tun

UMNO has finally found a potential candidate to lead the Malays through a large part of the 21st century. A person who is normal and has a pleasant personality. A veteran politician once told me that for a politician who eventually holds power and responsibilities, he should come from a proper family background, well-educated and of good character. Datuk Paduka Muhkriz is the right person to lead us all eventually. A person who is normal and has no sticky fingers with the Rakyat's money and is aware of our sovereignty, national interest, and self-esteem. I am certain he would not sell my grandmother down river for Singapore dollars. Long live UMNO with its new leadership ! We only need one good and normal person to lead us to the next higher level. There is no necessity to fly to the Sun like Icarus or the brilliant Lee Kuan Yew with his 10 failed Policies for Singapore.
Vide. http://www.eastasiaforum.org/2013/09/13/singapore-after-lee-kuan-yew/

I am confident that Datuk Paduka Muhkriz has commonsense, the ability to think out of the box and has compassion ! The 3 vital ingredients for Premiership in our beloved Malaysia.

- *Megat Terawis*

September 19, 2013 at 7:58 AM | Permalink

Salam, Tumpang Lalu Tun dan Semua,

Saya pun berasa serba salah Tun. Saya kira ramai lagi yang sealiran dengan saya. Dilema kami ialah nak diluah mati bapak nak ditelan mati emak. Jika nak dipandang dari sudut jelak, muak dan menyampah dengan sikap ahli politik yang bermuka-muka ini boleh kata hampir semua yang ada zaman ni pun lebih kurang sama. Al maklum ahli politik yang gila kuasa dan wang.

Nak dibuang ideology yang telah lama tersemat dihati iaitu agama, bangsa dan Negara makanya menobatkan ideology liberal dan caca marba tak sanggup pula. Menggantikan sejarah, bendera, meliberalisasikan nama Allah, menghapuskan identity Melayu, Seksualiti merdeka serta segala perkara yang selama ini dianggap batil biarlah putih tulang asalkan tidak berputih mata. Jika Karpal Singh sanggup membiarkan mayatnya dilangkah sebelum undang2 dan Negara Islam dapat ditegakkan oleh PAS, takkan kita pula sanggup menggadai maruah dan agama kita hanya untuk nikmat yang sementara. Tak tergamak hati ini nak menerima Chin Peng sebagai pejuang bangsa, biarlah saya mati mempercayai beliau sebagai komunis yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Saya kira ramai lagi yang berharap supaya ideology yang dipertahankan selama ini dapat terus subur sealiran dengan suburnya kemajuan Negara. Ramai lagi yang tidak rela agama Islam, nama Allah dan bangsa sendiri diinjak-injak oleh ideology liberal yang semakin berkembang. Apa yang orang ramai benci ialah orang2 yang masuk politik untuk kemasyhuran diri, kemewahan hidup dan kebongkakkan kuasa. Inilah penyakit cinta duina dan takut mati yang menimpa ahli2 politik sekarang. Politik mereka adalah politik murahan bertonggakkan wang bertuhankan nafsu serakah. Bukanlah musuh mereka itu seorang yang lebih baik bahkan datangnya dari rumpun yang sama, tapi sejarah telah membuktikan bahawa jatuhnya empayar Islam akibat penyakit Wahan ini.

Saya sebenarnya mengimpikan revolusi dalam UMNO dimana pemimpin2 yang telah tua kematu serta tepu idea ini sedar dan berundur secara terhormat. Sedangkan Tun yang masih lagi disanjung tinggi berundur dengan secara sukarela dan membuka ruang kepada bakat baru. Bagaimanakah pula mereka yang jauh panggang dari api ini masih bermuka tebal menagih kuasa mempertahankan kedudukan. Yang paling mengaibkan ialah mereka yang kalah pilihanraya pun terhegeh-hegeh masih nak berebut kuasa.

Berundur secara terhormat tidak bermakna berhenti menyumbang kepada agama, bangsa dan Negara. Jangan pula dibuang secara paksa lantas tubuh parti baru nak berebut kuasa lagi. Apa nak jadi dengan negaraku…..

Apa yang pasti ramai yang telah jelak dengan politik, ahli politik dan pelakon drama yang terlebih bayaran. Kami boleh dapat lihat ini saban hari didalam pejabat kami. Apa yang orang ramai mahukan ialah kepimpinan, teladan, bersih, cekap dan amanah.

Maafkan saya………

- *sentinel3*

September 19, 2013 at 2:28 AM | Permalink

Tun,

Sekali fikir tak pa lah Tun, kalau itulah kehendak pemimpin UMNO sekarang ini, nanti pada PRU-14 nanti tiadalah lagi UMNO mengalami masalah penyakit tua kerana selain daripada penyakit yang dialami, dengan tuan tubuhnya sekali pun akan turut lenyap sekali.

Sepatutnya, pemimpin-pemimpin sekarang sedar bahawa masa berubah, fikiran dan sikap orang ramai berubah dan rakyat semakin pandai daripada generasi dahulu.

Malangnya, keputusan PRU-13 masih tidak menyedarkan pemimpin-pemimpin tua yang masih menganggap pengalaman (untuk kepentingan perut sendiri) mereka untuk parti masih berguna.

Saya tidak menyalahkan keseluruhannya pemimpin-pemimpin tua ini, PM juga harus dipersalahkan kerana masih mengekalkan muka-muka tua dalam Kabinet.

Saya teringat satu cerita lucu mencuit hati apabila seorang rakan memberitahu saya mengenai pencabar kepada calon BN (yang pernah dikenakan tindakan tatatertib kerana rasuah) pada PRU-13 lalu yang hanya seorang penyanyi biasa tetapi masih boleh mendapat undi yang besar walaupun tewas kepada calon BN itu.

Kata-kata rakan saya itu masih terpahat pada ingatan saya seperti begini, " Cuba bayangkan , dia ini cuma seorang penyanyi tetapi masih mampu mendapat undi yang banyak melawan seorang pemimpin vateran UMNO, bekas MB dan bekas menteri yang berpengalaman.

Pemimpin-pemimpin begilahlah seperti Tun kata, "Ramai yang membongkok disekeliling pemimpin, yang mengulangi cerita tentang keupayaan dan keberkesanan mereka sebagai pemimpin. Dan mereka pun percaya cerita pembodek ini. Lagi pun sedap sungguh kerusi yang diduduki. Memuaskan sungguh kuasa yang dimiliki. Kenapakah pemimpin perlu undur, tarik diri."

Antara kata-kata Tun yang menarik lagi ialah, " Malangnya ramai yang begitu mudah tergoda dengan sogokan wang. Tak banyak. RM200/- pun boleh mengalih pemikiran sesetengah ahli UMNO. Mereka bukan menjual undi. Sebenarnya mereka menjual bangsa, menjual maruah diri mereka. Hentikanlah amalan ini baik oleh yang menghulur mahupun yang menerima.'

Tun, rakyat sebenarnya sudah cukup meluat dan menyampah terhadap pemimpin-pemimpin UMNO ini termasuk mereka yang tidak sudah-sudah mendatangkan masalah kepada parti dan menjadi liabiliti kepada parti, malangnya masih ramai pemimpin UMNO ini masih tidak sedar diri.

Seperti yang saya katakan Tun, tak pa lah (meminjam kata-kata Tunku Abdul Rahman pada zaman tak pa) nak lingkup-lingkuplah UMNO, orang Melayu sudah meluat dengan UMNO.

Kalau kita dapat seorang pemimpin yang tidak bermoral dan kaki liwat sebagai PM yang sanggup menjual bangsa, agama dan negara ini kepada orang asing, apa nak buat, "sudah nasib kitalah Labi".

Salam Tun.

- *EVALS*

September 19, 2013 at 12:07 AM | Permalink

Dear Tun and readers,

When Tun says something, it is usually right. It can be wrong but usually it is right. It just needs some homework and extra thinking to think further. Why youths are vital for UMNO survival today?

Everything will change together with time. There are different 'books' that are given by our Creator the Almighty for the different ages respectively. Taurat was for Musa. Zabur was for Daud, Bible was for Isa/Jesus and the Quran was for Muhammad (p.b.u.h). Obviously different ways are needed for the different ages and we all know that.

We can choose for maintaining the old ways but we know it is not right. Can we use a vintage car comfortably with the suitable speed and maintenance cost in continuing our life today when others are moving so fast and competent? It cannot be so without us moving faster towards the END OF TIME of our life and slower to the intended directions. We can delay the process by changing our car to be a faster and more affordable in terms of maintenance cost as the NEW CAR is more durable and latest in enduring the current challenges thus making us to move more confidently and faster to our directions.

I am not an expert in politics or governing but if we just logically thinking about this, there are some truths about what Tun has said. After the previous elections right after Tun has stepped down, we can somehow predict the direction of BN after this. Our country is just a young country and will still be so in the next couple of years. We also know in which side that the majority of Malaysian youths today will give their supports. We are also agree that the youths today want a brilliant, loyal and sincere leader (it can be like Tun or better as the challenges today are also tougher) who can unite the Malaysians and driving her to the right directions. Sincerely, I just think that the current leader needs to work harder so he can be smarter. When he is smarter, people will respect more of him and automatically he can gain more supports from the youths as no matter how charming a person is, but if he or she is like a stupid, it will not change anything to be better. But, we are always amazed by the brilliance of a person no matter who he is.

- *shahrulnizam*

September 18, 2013 at 11:26 PM | Permalink

mudah-mudahan pucuk tertinggi umno dpt membaca dan mendengar nasihat tun..

yg kuat rasuah…jd pengerusi felda..
yg ditangkap seleweng… masih nak jd MP..
yg dah warga emas… masih mahu jawatan, kuasa, gaji yang tinggi… kalau berenti tak dapat

kekalkan kekayaan.. anak cucu cicit pun tak dapat kemewahan..
katanya mahu menjaga memperkasakan ekonomi melayu..
tetapi yang dapatnya orang yg sama… al bukhari & co., si pulan bin pulan..
orang lain tak bole jadi billionaire..
yg marhain cuma dapat 10K – 100K utk start biz… sampai bila2 yg marhain di situ sahaja..

hari2 surat khabar cerita psl melayu..
yg eksiden… yg ditangkap.. yg dirogol.. yg di pukul.. yg di aniaya… yg tinggal di dlm gua, bwh jambatan..

psl bkn melayu..
yg kaya.. yg mewah.. yg dpt project, dr kerajaan atau glc… yg ada saham mewah.. yg jd ceo, director… yg bagus2… yg rumah besar2..

gst konon nya nak tolong kewangan negara…
semua org kene tolong negara… tp yg melayu gajinya di bawah income per capita..
di atas income per capita nya org bukan melayu… tp bayarannya sama dgn melayu..

makanan ruji… anak2… semua akan terasa beban… terutama melayu…
yg tidak terasa.. harap2 lhdn pakai guna regime cukai utk org kaya2 yg gaji lebih dari income per capita..

sejarah telah tunjuk..
bila jebat bangkit… musnah kerajaan melaka walaupun jebat tumbang
bila spartacus bangkit… musnah kerajaan roman walaupun spartacus tumbang..

pikir2 lah..

- *fadzli.jpark*

September 18, 2013 at 4:24 PM | Permalink

Saya menyokong penuh pendirian Tun. Memang benar dalam UMNO perlu generasi muda terajui dan bukannya "golongan senja" seperti tidak kenal erti "penghujung nyawa". Saya amati sekarang di dalam UMNO perjuangannya bukanlah demi anak bangsa dan negara tetapi demi kepentingan tertentu. Pada zaman Tun dahulu banyak manfaat yang rakyat dapat tetapi sejak peralihan kuasa dari Tun M ke Tun A bagaikan retak menanti belah. Hancur belaka, kestabilan ekonomi entah kemana hala. Ditambah pula zaman DS N lagi tak apa akan jadi lepas ini. Kalaulah ada lagi pemimpim macam Tun M Malaysia akan berdiri dengan bangga..

- *wajaperak*

September 18, 2013 at 3:51 PM | Permalink

Assallammualaikum Tun..
Mohon ruangan..

[If UMNO and its long overdue (old) and irreverent people still hanging around then there is no chance for Malaysia to grow]

Thank you Mr Balance..I was wrong about you..Apologies..
UMNO like Jebat must die!..
One due to it's fate, the other simply it hasten the process of dying..
Life is all about cycle..We are here in this world to complete those cycle.
UMNO must die so PEKEMBAR can rise from the ashes like the phoenix..
Dr Fuad Gargashi is one of the 'Dinosaur'..maybe he is not of the age but his mind proved otherwise..Instead of thanking Tun for pointing the obvious, he echoed all the 'Dinosaurian' that they are all the bold that will enherit the world still ages to come..:)

Life is about contention too..If we live in contention most of the time, there will be no room for peace and prosperity..

So..Agree more and dispute less about PEKEMBAR!..

Terima kasih Tun.

- *mokhtar*

September 18, 2013 at 3:47 PM | Permalink

dear Tun,

- semasa saya membaca artikel ini dalam Utusan Malaysia, saya bertanya, serius ka UMNO untuk membuat perubahan satelah mendapat mandat yang kuat daripada orang Melayu / Bumiputra terutama daripada ' generasi Y '.
- nampaknya sama saja terutama di peringkat MT dan NP. muka-muka lama ' orang tua ' masih juga menawar diri tanpa berasa malu……tapi orang politik mana ada malu… muka tebal macam kulit kerbau ( kata orang kedah ).
- calon-calon diperingkat MT, kombinasi tua dan juga muda adalah baik.boleh dikatakan kesemua MB dan KM daripada UMNO adalah muda-muda belaka. mereka patut bertanding dan menang, kemenangan akan menunjukan sokongan ahli UMNO terhadap mereka, sebagai Pegawai Perhubungan Negeri dan 'taiko' di negeri masing-masing.ini juga harapan orang Melayu / Bumiputra kerana mereka yang begitu rapat dengan ahli akar umbi dan penyokong UMNO.
- Ahli-ahli yang lama dan tua yang telah berkhidmat semasa era Tun Dr M dan Pak Lah boleh berundur dengan hormat.
- Calon-calon daripada Pemuda, pilihlah mereka yang berjasa pada parti dan orang Melayu,yang berani mempertahan hak melayu, agama dan Raja-Raja Melayu. tidak guna pilih calon yang terang-terang membawa konsep 1M dalam perjuangan UMNO.
- bagi 3 naib president, calon terbaik adalah Dato Zahid Hamidi, ' He turns the KDN around ' orang ramai mula ada konfiden terhadap kerajaan UMNO/BN. orang melayu berasa bangga

kerana masih ada menteri melayu yang berahi mempertahan Hak melayu dan Raja-raja melayu.
- dato safie afdal – mewakili penyokong UMNO/BN di Sabah dan Sarawak yang telah menunjukan sokongan padu pada PRU 13 yang lalu.UMNO perlu sokongan orang di sana.
- dato hishamuddin – ‘ fail miserably in KDN & wl continue to so ‘, cari penganti.Kumpulan MB dan KM perlu ada cartel supaya seorang daripada mereka adalah NP.
- calon yang 2 lagi – lupakan saja. lebih baik tumpu dan tunjuk prestasi GLC yang di terajui.
- ketua Pemuda – legacynya begitu menakutkan ketika era bapa mertuanya. perlu ada calon alternatif.
- inilah harapan orang melayu macam saya.

- *amin tan*

September 18, 2013 at 3:16 PM | Permalink

Salam Tun,

Izinkan saya menjawab Saudara Azlan95 petikan seperti berikut,

[azlan
95September 18, 2013 at 1:51 PM | Permalink
Siapakah yang mengamalkan politik wang dalam UMNO? Nama-nama mereka?

Azlan
KL]

Saudara Azlan,
Kalau tidak salah saya calon Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak, Tan Sri Isa, Tan Sri Ali Rostam and Khairy Jamaluddin didapati bersalah mengamalkan politik wang. Yang kena hukumnya Tan Sri Isa. Saya cuma baca laporan surat khabar pada pemilihan UMNO yang dulu. Politik wang, rasuah, korupsi, makan suap sama sahaja.

amin tan

- *mekar79*

September 18, 2013 at 2:29 PM | Permalink

Tun,

Sebagai anak melayu, saya sebak dan bersemangat membaca entri kali ini. Sedih bila lihat perjuangan UMNO yang sudah tidak jujur dengan hala tuju UMNO itu sendiri. Rata-rata kalau di tanya anak-anak muda sekarang, kenapa tak join UMNO? diorang akan kata ” tak nak lah itu semua persatuan orang TUA.. So, wujudlah PUTERI dan PUTERA UMNO untuk membantu dan membakar semangat anak muda untuk berjuang demi bangsa dan

Negara..Tapi..ada juga yang orang-orang di kalangan UMNO sendiri, memperlekeh perjuangan anak muda ini.. so..demi BANGSA MELAYU.. Buka lah mata hati memasing untuk beri laluan untuk anak muda menerajui UMNO dengan cara dan semangat baru.. Janganlah bertelagah rebutkan jawatan sehingga hilang kepercayaan anak muda terhadap perjuangan untuk memperkasakan Orang-orang Melayu .. Kalaulah boleh wujudkan MENTOR dalam UMNO itu lebih baik. Orang lama dan Baru bersama-sama menerajui UMNO demi Bangsa Melayu. Dengan harapan.. UMNO akan terus masuk dalam hati "ORANG MELAYU"..

1 scenario
Lagu yang tidak sedap di dengar berkumandang di radio

Hari pertama – ke sepuloh mendengar -orang selalu kata " Tak sedap.. lagu macam ni pun boleh kasi orang dengar.."

Hari ke 11- 30 mendengar di radio. " Sedap gak la.. biler dah dengar tiap2 hari.. macam feel jer.."

Begitu juga UMNO dan perjuangannya.. kalau tiap2 hari di sogok ke minda anak2 muda Melayu.. tentang perjuangan memperkasakan melayu.. semangat CINTAKAN UMNO akan SETIA di hati KAMI ANAK MUDA..

- TUN, kuatkan semangat kerana BANGSA MELAYU, KAMI MASIH perlukan USAHA dan bimbingan serta teguran TUN untuk anak Bangsa Melayu..

- *azlan95*

September 18, 2013 at 1:51 PM | Permalink

Siapakah yang mengamalkan politik wang dalam UMNO? Nama-nama mereka?

Azlan
KL

- *ketuakampung*

September 18, 2013 at 12:30 PM | Permalink

Sesungguhnya, air mata saya mengalir mambaca tulisan Tun kali ini.

- *Nani*

September 18, 2013 at 11:46 AM | Permalink

IMHO, Mukhriz patut jadi Ketua Pemuda UMNO dulu utk memperkasakan dan memimpin arah tuju Pemuda UMNO.

- *balance*

September 18, 2013 at 11:05 AM | Permalink

Tun,

Your awakening advice is so touching and i believe it is coming from your heart. You are still that motivated as in your younger days. If UMNO and its long overdue (old) and irreverent people still hanging around then there is no chance for Malaysia to grow. These irreverent people only know how to eat the cake and dont know how to make the cake bigger. i use the word "irreverent" because Malaysians are smarter then they think. All they say or shouting is to protect the Malays without thinking how can you protect anyone if yourself is weak and no energy (because eat small piece of cake). The new Bumpitura empowerment plan sound so good but where is the money coming from? If it come from right pocket and going to left pocket then should not be called a plan? Is it just a gimmick or is it going to be robin hood? Will EPF suffer?
For the plan to work there must be inflow from outside the right and left pocket. Where is the plan to trap the inflow or create new inflow pipe? Sell more sand to Singapore or dig and suck more petroleum fluid? What? I am not a economist but if money flowing from left pocket to right pocket then it cannot be called "growth" maybe should be called "other thing"

Tun, you are still the best

have a good day

Source: http://chedet.cc/?p=1065